

01 MAR 2001

Fong-Komputer

TAHAP CELIK KOMPUTER DI MALAYSIA CUMA 10 PERATUS

MELAKA, 1 Mac (Bernama) -- Tahap celik komputer di kalangan rakyat Malaysia hanya 10 peratus berbanding di beberapa negara Asia Timur yang mencapai sehingga 50 peratus, kata Menteri Sumber Manusia Datuk Dr Fong Chan Onn, hari ini.

Beliau berkata untuk itu, kerajaan berusaha meningkatkan lagi tahap celik komputer rakyat semasa negara menuju ke era pembangunan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT).

"Kerajaan berusaha memberi lebih banyak peluang kepada rakyat mendalami ilmu komputer agar kita setanding dengan Singapura, Korea Selatan, Hong Kong dan Taiwan yang lebih 50 peratus rakyatnya celik komputer," katanya kepada pemberita selepas merasmikan perhimpunan Literasi ICT untuk K-Ekonomi di Institut Latihan Perindustrian Melaka di Bukit Katil, di sini.

Menurutnya perhimpunan seumpama itu, yang akan diperluaskan ke negeri-negeri lain, dapat memberikan lebih pengetahuan kepada rakyat terutama di kalangan penduduk luar bandar dan belia terhadap kemahiran komputer.

Perhimpunan itu adalah susulan perhimpunan di Stadium Bukit Jalil pada 17 Feb lepas yang dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Fong berkata kerajaan melalui ILP yang sedia ada, akan menyediakan kursus komputer secara percuma setiap hujung minggu dengan diselidikan oleh pensyarah ILP dan pelatih diberikan sijil penyertaan sebagai motivasi untuk mereka mendalami ilmu komputer.

Beliau berkata pemilihan peserta itu dibuat menerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), badan sukarela dan pengetua sekolah untuk memastikan kursus kemahiran berkenaan dapat diterima oleh semua lapisan masyarakat.

Ditanya kemungkinan kementerian mengadakan usahasama dengan institusi pengajian tinggi tempatan atau syarikat multinasional bagi lepasan kursus itu untuk mendalami ilmu komputer, beliau berkata kementerian akan membincangkannya.

"Yang penting, usaha kita untuk memastikan lebih ramai lagi rakyat celik komputer dan dengan itu (jika ia berjaya) ia akan menjadi daya penarik kepada syarikat multinasional untuk bekerjasama dengan kerajaan dalam mendidik rakyat tentang ICT," katanya.

Perhimpunan hari ini yang turut diadakan serentak di ILP Perak dan ILP Kedah dengan menempatkan 100 komputer untuk latihan, dibuka kepada orang ramai untuk mengikuti kursus itu yang dikendalikan lebih 80 pensyarah di ILP itu.

Perhimpunan serupa akan diadakan di ILP Pasir Gudang, Kuantan, Kuala Terengganu dan Kota Bharu pada 14 Mac ini bagi memberikan pendedahan kepada penduduk setempat mengenai pengetahuan dalam bidang ICT.

-- BERNAMA

SBS NAK